

Projek Pemangkin Limpahan Ekonomi

SEGAMAT: Pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru menjadi pemangkin pembangunan dan transformasi Segamat serta Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata walaupun pada peringkat awal projek berkenaan menghadapi cabaran, namun ia tetap diberi keutamaan bagi memodenkan perkhidmatan kereta api negara. Beliau berkata, PLBE Gemas-Johor Bahru sepanjang 197 kilometer dan melalui 11 stesen akan merangsang pembangunan ekonomi bukan saja di Segamat, malah kawasan lain yang direntasnya di Johor.

"Ia juga pelengkap kepada jaringan sistem Landasan Berkembar Elektrik (ETS) sektor Ipoh ke Padang Besar, sektor Rawang ke Ipoh, sektor Lembah Klang dan sektor Seremban ke Gemas. "PLBE Gemas-Johor Bahru juga akan memendekkan waktu perjalanan pengguna dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur kepada hanya empat jam berbanding lapan hingga sembilan jam ketika ini.

"Pengangkutan awam yang cekap dan moden, boleh diharap serta mampu diguna pakai rakyat menjadi Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pengangkutan awam yang perlu dibangunkan jika Malaysia ingin capai status negara maju sepenuhnya, " katanya pada Majlis Pecah Tanah Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas-Johor Bahru di Jalan Kolam Air, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam yang juga Ahli Parlimen Segamat.

PLBE adalah sebahagian daripada pelan induk memodenisasikan sistem pengangkutan berasaskan rel di negara ini yang dirancang kerajaan. Ia bagi menggantikan landasan tunggal sedia ada termasuk membina stesen baharu yang lebih moden, jejambat, terowong serta sistem elektrifikasi dan sistem persembayanan moden.

Perkhidmatan ETS akan diperkenalkan di atas laluan berkembar Gemas-Johor Bahru dengan kelajuan antara 140 sehingga 160 kilometer sejam, sekali gus memendekkan masa perjalanan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Najib berkata, pelaksanaan PLBE akan meningkat dan memperkukuhkan hubungan dua hala dalam bidang ekonomi Malaysia-China. "Namun, pada masa sama, 99 peratus kerja pelaksanaan PLBE Gemas-Johor Bahru akan diberikan kepada kontraktor tempatan, sekali gus membawa limpahan ekonomi kepada masyarakat," katanya.

Pada majlis itu, Najib berkongsi pengalamannya menggunakan perkhidmatan ETS berikutan ia begitu popular dalam kalangan rakyat. "Saya sudah cuba ETS dari Kuala Lumpur-Tanjung Malim dengan Tiong Lai dan saya faham mengapa perkhidmatan ini mendapat sambutan hangat sehingga mereka yang tinggal di Ipoh dan Tanjung Malim menggunakannya secara harian. "Gaya hidup semakin berubah.

Kita dapat kehidupan lebih berkualiti, beli rumah lebih besar dengan harga lebih murah di pinggir bandar dan berulang-alik setiap hari bekerja di pusat bandar dengan adanya ETS ini. "Ini perubahan yang berlaku apabila kita ada pengangkutan cekap seperti ETS," katanya.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 3 | 4 APRIL 2018